

Impak Sektor Pelancongan Terhadap Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Cherating, Pahang

Impact of Tourism on the Development of Small and Medium Enterprises (SMEs) in Cherating, Pahang

Rosniza Aznie Che Rose*, Nur Ayuni, M. H & Rosmiza, M. Z.

Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekutaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*emel: aznie@ukm.edu.my

Received: 27 July 2017; Accepted: 12 January 2018; Published: 30 November 2018

Abstrak

Cherating merupakan sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Pahang dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan ikan segar dari laut yang giat dijalankan di kawasan sekitar. Produk PKS yang menjadi permintaan utama pelancong tempatan dan antarabangsa adalah keropok lekor, keropok kering, dan keropok sejuk beku. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menilai keupayaan penawaran dan permintaan terhadap produk PKS serta impak pelancongan terhadap perkembangan ekonomi pengusaha PKS di Cherating. Proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik, menggunakan kaedah kuantitatif dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS. Seramai 42 orang daripada 47 orang pengusaha PKS terlibat dalam kajian ini. Pemerhatian juga dilakukan dengan mencatat nota dan mengambil foto sepanjang kajian dijalankan. Kaedah pemerhatian membantu pengkaji melakukan pemerhatian terhadap produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan PKS seperti produk yang berasaskan hasil laut. Kaedah ini juga turut menggunakan kaedah temu secara tidak langsung untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan PKS di Cherating, Pahang. Penyelidik turut menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder iaitu kajian perpustakaan, data daripada jabatan dan laman sesawang. Hasil kajian mendapatimpak pelancongan terhadap pembangunan PKS di Cherating bersifat positif. Ini dibuktikan dengan kedatangan pelancong yang dapat memberi kesan kepada peningkatan ekonomi pengusaha PKS dari segi hasil jualan, produktiviti, tahap pulangan modal, bonus serta peluang pekerjaan. Melalui hasil kajian yang diperoleh, mendapatihawa aktiviti pelancongan di Cherating, Pahang perlu dimajukan lagi. Pihak kerajaan negeri Pahang bertanggungjawab untuk mempromosikan negeri Pahang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang wajib dilawati oleh semua rakyat Malaysia. Pembinaan tempat pelancongan yang menarik mampu menjadi tarikan pelancong. Sekiranya negeri Pahang menjadi satu destinasi yang popular dan sering dilawati pelancong, sudah pastinya bilangan pelancong ke Pahang khususnya di Cherating semakin bertambah dan ini akan memberi kesan kepada PKS yang dijalankan sekitar Cherating.

Kata kunci pelancongan, PKS, ekonomi, impak, pengusaha

Abstract

Cherating is a well-known tourist destination in Pahang; and Small and Medium Enterprises (SMEs) based on freshwater fish from nearby seas. SMEs products that are the main demand for local and international tourists are fish crackers, dry crackers, and frozen crackers. In this regard, the article aims to evaluate the supply and demand capabilities of SMEs products and the impact of tourism on the economic development of SMEs entrepreneurs in Cherating. The data collection process was done using questionnaire, using quantitative method and analyzed using SPSS software. A total of 42 people from 47 SME entrepreneurs were involved in this study. Observation is also carried out by taking notes and taking photos throughout the study. Observation methods help researchers to observe products produced by SMEs entrepreneurs such as marine-based products. This method also uses the indirect method to obtain additional information regarding SMEs in Cherating, Pahang. Researchers also used secondary data collection methods namely, library research, data from departments and websites. The findings revealed that the

impact of tourism on SME development in Cherating was positive. This is evidenced by the arrival of tourists who can affect the economic enhancement of SMEs entrepreneurs in terms of sales revenue, productivity, capital gains, bonuses and job opportunities. Through the findings, it was found that tourism activities in Cherating, Pahang need to be further developed. The Pahang state government is responsible for promoting the state of Pahang as a must visit destination for all Malaysians. The construction of interesting tourist sites can be a tourist attraction. If Pahang is a popular and frequented by visitors, definitely the number of tourists to Pahang especially in Cherating is increasing and this will affect the SMEs around Cherating.

Keywords tourism, SMEs, economy, impact, entrepreneurs

PENGENALAN

Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang mempunyai potensi besar dalam memajukan sebuah negara. Pelancongan antarabangsa misalnya merupakan industri terpenting bagi kebanyakan negara sedang membangun kerana ia mampu menjana pertukaran wang asing yang tinggi dan menyumbang kepada ekonomi negara. Walaupun pelbagai isu dunia telah berlaku pada setiap tahun, pelancongan dunia terus berkembang tanpa sempadan. Di Malaysia, kegiatan pelancongan telah mula berkembang pada akhir tahun 1980 dan awal 1990-an (Rosniza Aznie et al., 2012). Industri pelancongan merupakan industri kelima terbesar dan merupakan antara sektor utama yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi Malaysia. Pembangunan industri pelancongan di Malaysia kini mencapai tahap yang dapat dibanggakan. Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia yang berpotensi sebagai destinasi pelancongan yang bukan sahaja dapat menarik pelancong tempatan bahkan pelancong antarabangsa. Pada tahun 2016, Malaysia menerima kedatangan pelancong yang ramai iaitu dianggarkan sejumlah 30.5 juta dan dijangkakan akan terus meningkat pada tahun 2017 (Malaysia, 2017). Industri pelancongan pada hari ini semakin maju dengan kehadiran ramai pelancong tempatan mahupun pelancong antarabangsa.

Di Cherating, Pahang merupakan salah satu destinasi pelancongan pinggir pantai yang terkenal dengan kehadiran ramai pelancong tempatan dan pelancong antarabangsa. Statistik menunjukkan kedatangan pelancong ke Cherating adalah bersifat positif apabila bermula pada tahun 2008, bilangan pelancong semakin bertambah dari semasa ke semasa namun berlaku sedikit pengurangan bilangan pelancong pada tahun-tahun yang tertentu. Pada tahun 2015, statistik mencatatkan seramai 226,241 orang pelancong yang melancong ke Cherating dan meningkat naik pada tahun 2016 iaitu mencatatkan jumlah ketibaan pelancong seramai 254,169 orang (Othman, 2008). Statistik ini dijangkakan meningkat pada tahun-tahun mendatang. Kedatangan para pelancong secara tidak langsung memberi kesan kepada ekonomi usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di kawasan ini. Menurut Othman (2008), sektor pelancongan telah memberi impak yang besar kepada ekonomi bagi satu-satu kawasan yang berpotensi sebagai salah sebuah kawasan pelancongan. Kebiasaannya, di sekitar kawasan pinggir pantai seperti di Cherating, Pahang, terdapat perusahaan yang giat dijalankan oleh penduduk tempatan seperti PKS berasaskan sumber laut. Pada umumnya, para pelancong akan membeli belah di gerai usahawan PKS ketika melancong.

Kewujudan PKS memberi suntikan kepada kerajaan untuk memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi memajukan lagi industri yang diusahakan oleh masyarakat luar bandar. PKS merupakan salah satu penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam mencapai hasrat negara merealisasikan Wawasan 2020, PKS perlu dimajukan lagi. Menurut Che Mohd Nor (1998), keadaan ekonomi yang berkembang dengan pesat akan membuka peluang yang lebih ke arah kejayaan cemerlang dalam membangunkan PKS. Ini kerana PKS dapat dijadikan nadi penggerak dan tulang belakang untuk mendokong dasar keperluan pembangunan industri negara. Pertambahan kedatangan pelancong ke Cherating mampu untuk memajukan sektor pelancongan di samping memberikan impak yang besar terhadap PKS. PKS berupaya untuk memasarkan produk jenama tempatan yang dapat menarik pelancong dengan keunikannya yang tersendiri. Justeru, artikel ini mengupas keupayaan penawaran dan permintaan terhadap produk PKS serta menilai impak aktiviti pelancongan terhadap perkembangan ekonomi pengusaha PKS di Cherating, Pahang.

METOD DAN LOKASI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang dilakukan adalah menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Sebanyak 42 orang responden daripada jumlah

keseluruhan populasi usahawan iaitu 47 orang usahawan PKS berdasarkan makanan laut di Cherating, Pahang dipilih sebagai sampel kajian. 47 orang usahawan PKS ini juga adalah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK). Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan sampel dipilih secara rawak mudah.

Dalam kajian ini, kaedah survei digunakan untuk mengumpul data dengan menggunakan borang soal selidik. Pemerhatian juga dilakukan dengan mencatat nota dan mengambil foto sepanjang kajian dijalankan. Kaedah pemerhatian membantu pengkaji melakukan pemerhatian terhadap produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan PKS seperti produk yang berasaskan hasil laut. Kaedah ini juga turut menggunakan kaedah temu secara tidak langsung untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan PKS di Cherating, Pahang. Penyelidik turut menggunakan kaedah pengumpulan data sekunder iaitu kajian perpustakaan, data daripada jabatan dan laman sesawang. Melalui laporan rasmi, penyelidik juga mendapatkan data rasmi seperti data ketibaan pelancong di laman web rasmi negeri. Data yang diperoleh digunakan sebagai maklumat dan dianalisis dalam kajian ini. Melalui media massa seperti artikel, jurnal, laporan dan akhbar, penyelidik mengumpul maklumat yang pelbagai terutama mengenai pelancongan dan PKS. Data juga dianalisis melalui statistik deskriptif bagi menunjukkan hasil kajian yang jelas dan memudahkan data untuk disimpulkan. Tafsiran min digunakan untuk meneliti tahap skor min musim kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa (Jadual 1).

Jadual 1 Tafsiran skor min

Julat	Tahap
1.00 – 1.80	Sangat rendah (SR)
1.81 – 2.60	Rendah (R)
2.61 – 3.40	Sederhana (S)
3.42 – 4.20	Tinggi (T)
4.21 – 5.00	Sangat tinggi (ST)

Lokasi Cherating, Kuantan merupakan kawasan kajian bagi penyelidikan ini. Bentuk muka bumi Cherating berasaskan pinggir pantai dan ia terletak kira-kira 50 km iaitu 45 minit perjalanan dari bandar Kuantan. Dalam konteks pelancongan, penonjolan tempat yang unik dan berbeza adalah indikator untuk mendapat kelebihan (Fauziah et al., 2013). Antara tempat pelancongan yang unik dan popular di Cherating, Kuantan adalah Pantai Cherating, Club Med Resort serta Pusat Penerangan dan Santuari Penyu. Rajah 1 menunjukkan peta Cherating di Kuantan, Pahang.



Rajah 1 Peta Kuantan, Pahang

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Demografi Responden

Golongan wanita dilihat telah mendominasi PKS yang dijalankan sekitar Cherating. Daripada jumlah responden yang dipilih, sebanyak 62 peratus (26 orang) adalah terdiri daripada pengusaha wanita dan 38 peratus (16 orang) terdiri daripada pengusaha lelaki. Ini dapat dilihat bahawa bilangan pengusaha wanita yang mengusahakan PKS adalah lebih tinggi daripada pengusaha lelaki kerana peranan perempuan pada masa kini semakin meluas dan merangkumi pelbagai bidang. Pada masa sekarang, peranan wanita menjadi semakin kompleks. Wanita kini bukan sahaja mampu menjana ekonomi keluarga malah turut membantu membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan negara. Umur responden yang paling ramai adalah terdiri daripada responden yang berumur 41 hingga 50 tahun. Daripada keseluruhan responden, responden dalam kategori umur 41-50 tahun mendominasi perusahaan ini iaitu sebanyak 45 peratus (19 orang) dan pengusaha yang berumur 31-40 tahun sebanyak 19 peratus (8 orang). Dapat disimpulkan bahawa golongan dewasa dan tua merupakan golongan majoriti yang mengusahakan PKS di Cherating. Ini kerana kebanyakan golongan dewasa dan tua mempunyai pengalaman dan kebanyakan daripada mereka berminat untuk menceburii bidang ini serta menjadikan pekerjaan ini sebagai perkerjaan tetap bagi menanggung kehidupan mereka. Namun begitu, terdapat juga golongan muda yang mengusahakan PKS di Cherating namun ia hanya dalam kuantiti yang sedikit sahaja.

Status pendidikan adalah terdiri daripada responden yang mempunyai pendidikan pada tahap menengah iaitu sebanyak 43 peratus (18 orang) diikuti dengan responden yang berpendidikan rendah iaitu sebanyak 31 peratus (13 orang). Bagi responden yang berpendidikan tinggi iaitu mempunyai diploma mahupun ijazah, hanya 24 peratus (10 orang). Secara keseluruhannya, kebanyakan responden mempunyai status pendidikan sehingga pendidikan menengah sahaja. Secara umumnya, pendidikan merupakan satu aspek yang sangat penting bagi setiap individu kerana ia boleh meningkatkan kualiti dan taraf hidup seseorang. Namun begitu, sekiranya pengusaha PKS mempunyai semangat dan kemahiran yang tinggi untuk mengusahakan perusahaan mereka dengan baik, kualiti dan taraf hidup pengusaha PKS juga boleh meningkat.

Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana

Hasil kajian mendapati sebanyak 83 peratus (35 orang) responden yang menjalankan perusahaan PKS secara persendirian dan selebihnya iaitu 17 peratus (7 orang) menjalankannya secara perkongsian. Jenis perniagaan secara persendirian bermaksud perusahaan yang dijalankan adalah milik usahawan itu sendiri manakala sekiranya perniagaan mereka adalah secara perkongsian, mereka berkongsi perusahaan mereka dengan individu mahupun syarikat yang lain. Di Cherating, responden yang ditemubual menyatakan bahawa perusahaan mereka adalah milik beliau dan pasangannya. Kebanyakan responden yang melakukan perusahaan secara perkongsian adalah untuk memajukan PKS dengan menjalankan perkongsian bersama suami atau isteri mahupun adik-beradik yang terdekat.

Kebanyakan pengusaha PKS mempunyai bilangan pekerja yang berbeza-beza iaitu daripada seorang pekerja hingga lapan orang pekerja. Pengusaha PKS yang mempunyai bilangan pekerja sebanyak tiga orang mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 41 peratus (17 orang) dan responden yang mempunyai dua orang pekerja sahaja iaitu sebanyak 29 peratus (12 orang). Bilangan pekerja seramai dua dan tiga orang dilihat mempunyai peratusan yang paling tinggi. Walaupun, kebanyakan pengusaha PKS menjalankan perusahaan ini secara kecil-kecilan tetapi mereka memerlukan pekerja bagi membantu tugas-tugas pengusaha PKS itu sendiri seperti membuat keropok, melakukan pembungkusan dan label, mengurus stok dan sebagainya.

Kebanyakan responden iaitu 45 peratus (19 orang) responden juga mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3001 hingga RM5000 dan hanya 10 peratus responden (4 orang) yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM7001. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa kesemua pengusaha PKS mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM1000 dan ke atas dan ia adalah merupakan petunjuk yang positif apabila terdapat lebih 10 peratus pengusaha yang memperoleh pendapatan melebihi RM7001 sebulan. Ini kerana terdapat kepelbagaian produk yang dihasilkan oleh pengusaha PKS bagi menarik minat

pelancong. Kualiti dan cara pemasaran sesuatu produk itu sendiri mampu menarik pelancong untuk membeli belah di gerai usahawan PKS mereka. Pengusaha PKS di Cherating, juga boleh dikategorikan sebagai golongan yang berpendapatan sederhana berdasarkan jumlah pendapatan yang diperolehnya.

Keupayaan Penawaran dan Permintaan Produk PKS

Produk yang Ditawarkan oleh Pengusaha PKS

Pelbagai jenis produk yang ditawarkan kepada pelancong oleh pengusaha PKS di Cherating. Produk-produk yang dihasilkan oleh responden terdiri daripada produk berasaskan hasil laut yang segar seperti pelbagai jenis ikan, sotong, dan sebagainya. Kepelbagaiannya sesuatu produk dapat membantu menarik kedatangan pelancong ke gerai usahawan PKS di Cherating. Berdasarkan produk-produk yang dihasilkan, keropok lekor, keropok kering, dan air lada merupakan antara produk PKS utama yang banyak ditawarkan kepada pelancong. Kesemua pengusaha PKS didapati menghasilkan keropok lekor. Setiap pengusaha PKS menjual keropok lekor di Cherating kerana ia merupakan produk utama yang menjadi tarikan utama pelancong. Bekalan ikan yang segar diperlukan bagi menghasilkan keropok lekor yang enak dan sedap. Di Cherating, bekalan ikan diperoleh daripada nelayan-nelayan yang menangkap ikan segar di laut. Di pantai timur terkenal dengan kepelbagaiannya ikan yang segar dari laut kerana kebanyakannya penduduk yang tinggal di tepi pantai akan turun ke laut untuk memungut hasil laut dan menjadikan sumber laut sebagai sumber jualan. Keropok lekor yang dijual adalah terdiri daripada goreng dan rebus. Terdapat pelancong yang lebih menggemari keropok lekor yang digoreng berbanding yang direbus dan pilihan adalah bergantung kepada cita rasa seseorang individu.

Selain itu juga, 100 peratus pengusaha PKS juga menghasilkan keropok kering. Keropok kering ini dijual untuk memenuhi permintaan pelancong kerana ia tahan lama selama berbulan-bulan. Ia hanya perlu digoreng dan sesuai untuk dimakan pada setiap masa. Keropok keping ini dijual dengan setiap bungkusnya yang berjenama sendiri. Penggunaan jenama sendiri mampu menarik kedatangan pelancong untuk sentiasa membeli di gerai usahawan PKS seseorang itu. Seterusnya, kesemua pengusaha PKS di Cherating juga menjual air lada. Air lada ini digunakan sebagai pencicaht kepada keropok. Sos pencecah keropok ini dihasilkan oleh setiap pengusaha dan ianya berbeza dari kepekatan sos yang dihasilkan. Perbezaan air lada mahu pun sos pencecah keropok ini menyebabkan produk ini mempunyai saingen yang dapat memberi kesan kepada kedatangan pelancong.

Produk yang Menjadi Tarikan Utama Pelancong Tempatan dan Antarabangsa

Antara produk PKS yang menjadi pilihan pelancong tempatan dan pelancong antarabangsa adalah keropok kering, keropok lekor, dan keropok sejuk beku. Produk-produk yang menjadi tarikan utama pelancong antarabangsa adalah sedikit berbeza berbanding pelancong tempatan dari segi peratusan responden. Menurut responden, kebanyakannya pelancong antarabangsa adalah terdiri daripada pelancong dari Singapura, Indonesia, Brunei serta negara Barat.

Sebanyak 42 orang responden (100 peratus) menyatakan bahawa keropok lekor adalah produk yang menjadi tarikan utama pelancong tempatan. Ini adalah kerana keropok lekor sememangnya diminati oleh pelancong tempatan yang bukan sahaja daripada negeri jiran malah di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Keropok lekor sememangnya menjadi pilihan utama pelancong tempatan kerana keunikannya keropok lekor itu sendiri yang berjaya menarik minat pelancong untuk membelinya. Berdasarkan hasil temubual bersama responden, mereka menyatakan bahawa kebanyakannya penduduk tempatan gemar akan keropok lekor yang direbus tetapi bagi pelancong tempatan, permintaannya lebih kepada keropok lekor yang digoreng. Namun begitu, disebabkan oleh faktor masa bagi pengusaha PKS menggoreng keropok lekor tersebut serta kesesakan kehadiran ramai pelancong ke gerai usahawan PKS terutamanya pada musim cuti umum dan hujung minggu menyebabkan pelancong tempatan lebih memilih keropok lekor yang sudah sedia ada direbus untuk memudahkan urusan pembelian mereka.

Bagi pelancong antarabangsa pula, keropok lekor juga merupakan antara produk yang tinggi peratusannya iaitu sebanyak 83.3 peratus (35 orang) responden yang menyatakan bahawa keropok lekor merupakan antara produk yang menjadi pilihan pelancong antarabangsa. Walau bagaimanapun, menurut

responden yang ditemubual menyatakan bahawa kebanyakannya pelancong dari luar negara lebih gemar membeli keropok kering di gerai usahawan PKS berbanding keropok lekor. Ini kerana keropok kering lebih tahan lama untuk dibawa pulang ke negara asal mereka berbanding keropok lekor. Sebanyak 85.7 peratus (36 orang) pengusaha PKS memilih keropok kering sebagai produk yang menjadi tarikan utama pelancong antarabangsa dan 97.6 peratus (41 orang) bagi pelancong tempatan. Kebanyakannya pelancong tempatan membeli keropok kering untuk dijadikan stok simpanan di rumah sebagai kudapan. Keropok kering yang telah digoreng sesuai dimakan bersama nasi goreng, mee goreng dan sebagainya.

Keropok sejuk beku juga menjadi pilihan responden sebagai produk permintaan pelancong tempatan iaitu sebanyak 90.5 peratus (38 orang) dan 81 peratus (34 orang) bagi pelancong antarabangsa. Keropok sejuk beku merupakan keropok lekor yang telah dibekukan. Oleh hal yang demikian, pelancong tempatan gemar membelinya kerana ia sangat mudah untuk digoreng dan keropok sejuk beku ini boleh disimpan lama di dalam peti sejuk. Keropok sejuk beku juga menjadi pilihan pelancong antarabangsa kerana tahan lama dan mudah untuk dibawa pulang. Ini merupakan satu cara yang efektif bagi memudahkan pelancong yang jauh dari negara lain untuk membeli produk PKS seperti keropok sejuk beku. Secara keseluruhannya, keropok lekor, keropok kering dan keropok sejuk beku merupakan produk utama yang mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu melebihi 80 peratus responden yang memilih produk tersebut sebagai produk utama yang menjadi permintaan pelancong tempatan dan antarabangsa berbanding produk-produk PKS yang lain.

Impak Pembangunan Pelancongan dalam Mempengaruhi PKS di Cherating

Musim Kedatangan Pelancong Tempatan dan Antarabangsa Ke Gerai Usahawan PKS

Berdasarkan Jadual 2, kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa pada hari biasa mencatatkan skor min yang paling rendah manakala pada musim cuti iaitu musim cuti sekolah, cuti umum dan cuti perayaan merupakan antara musim yang tertinggi mencatatkan skor min bagi kedatangan pelancong ke gerai usahawan PKS. Oleh itu, dapat dilihat bahawa musim cuti merupakan musim kebanjiran pelancong berbanding hari-hari biasa. Ini dapat dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Zulkiply (2005) yang menyatakan bahawa musim cuti sangat sinonim dengan aktiviti pelancongan dan percutian terutamanya yang melibatkan seisi keluarga. Ini bermakna kebanyakannya pelancong akan memilih musim cuti untuk bercuti ke sesuatu tempat.

Jadual 2 Skor min musim kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa

Musim	Pelancong tempatan		Pelancong antarabangsa	
	Min	Tahap	Min	Tahap
Hari biasa	2.81	S	2.62	Sederhana
Hari minggu	4.00	T	3.40	Sederhana
Musim cuti sekolah	4.86	ST	3.74	Tinggi
Musim cuti umum	4.91	ST	3.79	Tinggi
Musim cuti perayaan	4.98	ST	3.83	Tinggi

Pada musim cuti sama ada cuti sekolah, cuti perayaan mahupun cuti umum, kebanyakannya keluarga yang merancang untuk melancong ke sesuatu tempat untuk tujuan berehat dan sebagainya. Terdapat keluarga yang akan melancong ke luar negara namun majoritinya hanya melancong di dalam negara sahaja. Bagi pelancong tempatan, nilai ringgit Malaysia yang lemah membuatkan rakyat Malaysia lebih tertarik untuk menjalankan pelancongan domestik iaitu melancong di dalam negara sahaja berbanding ke luar negara. Secara keseluruhannya, di antara kelima-lima musim yang dicatatkan, skor min kedatangan pelancong antarabangsa hanya berada di tahap tinggi sahaja dan bukan berada pada tahap yang paling tinggi seperti yang dicatatkan oleh pelancong tempatan. Oleh hal demikian, pelancong dari luar negara yang datang ke gerai usahawan PKS adalah kurang berbanding pelancong tempatan.

Kesan Kedatangan Pelancong Kepada Perkembangan Ekonomi Pengusaha di Cherating

Hasil Jualan Produk PKS

Sebanyak 50 peratus (21 orang) responden sangat bersetuju dan 47.6 peratus (20 orang) bersetuju bahawa hasil jualan akan semakin bertambah dengan kehadiran pelancong sebagai pembeli produk PKS. Ini dapat dilihat bahawa hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa jualan PKS akan bertambah sekiranya bilangan pelancong bertambah. Menurut responden yang telah ditemubual, sekiranya tiada pelancong tempatan mahu pun luar negara yang singgah ke gerai usahawan mereka, ini bermakna jualan mereka sangat kurang. Pengusaha PKS sangat bergantung kepada pelancong sebagai pembeli. Pada kebiasaannya, pelancong akan melancong ke sesuatu tempat untuk mendapatkan barang tertentu seperti makanan. Kedatangan pelancong merupakan keperluan pengusaha PKS bagi melariskan lagi jualan mereka. Ini dapat dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Saadah (2014), yang menyatakan bahawa hasil jualan produk PKS akan meningkat sekiranya sambutan terhadap jualan makanan adalah sangat menggalakkan. Ini bermakna pelancong sebagai pembeli produk PKS mempunyai peranan yang penting dalam meningkatkan hasil jualan produk PKS di Cherating, Pahang.

Pendapatan pengusaha juga akan bertambah sekiranya hasil jualan bertambah. Ini kerana pendapatan yang diperoleh oleh usahawan PKS akan bertambah sekiranya bilangan pelancong semakin bertambah berbanding dengan hari ketiadaan pelancong. Penyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Suhaya, Md Shafiq & Norlida Hanim (2013) yang menyatakan bahawa kedatangan pelancong akan memberi kesan kepada peningkatan pendapatan penduduk tempatan terutamanya dalam perniagaan. Apabila tiba musim cuti sekolah, cuti perayaan mahupun cuti umum, pendapatan yang dipungut adalah lebih daripada biasa. Oleh hal demikian, pengusaha PKS akan memperoleh pendapatan yang tinggi apabila tiba musim cuti sekolah panjang iaitu pada akhir tahun.

Produktiviti Produk PKS

Sebanyak 59.5 peratus (25 orang) responden yang bersetuju dan selebihnya 40.5 peratus (17 orang) sangat bersetuju bahawa produktiviti sesuatu produk yang dihasilkan akan bertambah sekiranya permintaan pelancong terhadap produk semakin meningkat. Penyataan ini persetujui oleh responden kerana mereka sebagai usahawan PKS akan menambahkan lagi produktiviti produk bagi menampung permintaan pelancong. Sekiranya bilangan pelancong dilihat semakin bertambah dan permintaan mereka terhadap produk PKS juga bertambah, usahawan PKS akan mempertingkatkan kuantiti produk dalam memenuhi permintaan pelancong. Keunikan sesuatu produk mampu memberi kesan kepada peningkatan produktiviti pengeluaran. Keunikan sesuatu produk yang dihasilkan hanya dapat diperoleh di gerai usahawan PKS sahaja dan pelancong sukar untuk mendapatkannya di bandar-bandar besar. Usahawan PKS yang menawarkan produk PKS berasaskan hasil laut menjadi tarikan pelancong kerana kualiti bahan yang digunakan dalam pembuatan produk memuaskan hati pelancong. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Akbar Ali dan Nor Diyana (2009) yang menyatakan bahawa produk PKS berasaskan hasil laut daripada hasil perikanan dapat memajukan lagi kegiatan usahawan mereka. Oleh itu, keunikan produk makanan PKS yang tersendiri mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran dan diminati oleh pelancong tempatan mahupun luar negara.

Tahap Pulangan Modal

Sebanyak 61.9 peratus (26 orang) responden yang bersetuju dan diikuti dengan 28.6 peratus (12 orang) yang sangat bersetuju bahawa pengusaha PKS dapat mencapai tahap pulangan modal sesuatu barang dalam masa yang singkat apabila bilangan pelancong semakin bertambah. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden bersetuju bahawa modal yang disalurkan oleh pengusaha PKS akan cepat mendapat pulangannya apabila bilangan pelancong semakin bertambah. Pelancong bertindak sebagai pembeli dan memberi keuntungan kepada pengusaha PKS untuk mendapat pulangan modal yang lebih cepat. Sekiranya ketiadaan pelancong sebagai pembeli, tahap pulangan modal akan mengambil masa yang lama berbanding dengan kehadiran pelancong. Bilangan pelancong akan meningkat pada hari-hari yang tertentu seperti musim cuti dan memberikan kesan kepada tahap pulangan modal sesuatu prdsuk PKS.

Bonus

Sebanyak 66.7 peratus (28 orang) responden yang bersetuju dan 26.2 peratus (11 orang) responden yang sangat bersetuju bahawa pekerja akan diberikan insentif dan bonus apabila kedatangan bilangan pelancong memberikan keuntungan kepada pengusaha PKS. Kebanyakan daripada responden akan ‘belanja’ pekerja mereka makan di restoran, diberikan cuti serta pakej percutian kepada pekerja mereka sekiranya keuntungan yang diperoleh adalah tinggi. Usaha yang dilakukan oleh pengusaha PKS adalah untuk menaikkan semangat pekerja untuk terus membantu pengusaha PKS memasarkan lagi produk PKS.

Peluang Pekerjaan

Sebanyak 57.1 peratus (24 orang) yang bersetuju dan 38.1 peratus (16 orang) yang sangat bersetuju bahawa pertambahan bilangan pelancong dapat membuka banyak peluang pekerjaan dalam PKS. Oleh kerana peluang pekerjaan pada masa kini adalah sukar untuk diperoleh, PKS dapat membantu usahawan-usahawan terutamanya golongan muda untuk menceburi bidang ini. Ini dapat dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Ayu Nor Azilah, Zetty Nurzuliana & Rosfazila (2008) yang menyatakan bahawa PKS membuka banyak peluang pekerjaan kerana mereka dapat bekerja dan memperoleh hasilnya tersendiri dengan produk-produk yang ditawarkan dalam PKS. PKS juga membuka sebahagian besar peluang pekerjaan terutamanya kepada penduduk tempatan. Sekiranya kedatangan pelancong ke Cherating semakin bertambah, PKS akan semakin berkembang dan dapat membantu penduduk tempatan untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Cadangan Meningkatkan Aktiviti Pelancongan di Cherating

Melalui hasil kajian yang diperoleh, mendapati bahawa aktiviti pelancongan di Cherating, Pahang perlu dimajukan lagi. Pihak kerajaan negeri Pahang bertanggungjawab untuk mempromosikan negeri Pahang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang wajib dilawati oleh semua rakyat Malaysia. Pembinaan tempat pelancongan yang menarik mampu menjadi tarikan pelancong. Sekiranya negeri Pahang menjadi satu destinasi yang popular dan sering dilawati pelancong, sudah pastinya bilangan pelancong ke Pahang khususnya di Cherating semakin bertambah dan ini akan memberi kesan kepada PKS yang dijalankan sekitar Cherating. Selain itu juga, kemudahan prasarana, layanan serta perkhidmatan yang diberikan oleh penduduk tempatan dapat mempengaruhi minat pelancong. Bagi memastikan keselesaan pelancong semasa melancong, tandas awam dan tong sampah perlu dibanyakkan lagi (Ang, 2017). Sekiranya aspek-aspek tersebut dijaga, ia akan memberikan kesan yang besar dalam menarik minat pelancong ke Cherating, Pahang. Layanan yang mesra dan baik akan menarik minat pelancong untuk ke destinasi tersebut pada masa akan datang. Sekiranya pelancong selesa dan berpuas hati dengan tempat yang dilawati, ia memberikan kesan yang positif kepada kemajuan sesuatu destinasi pelancong tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, daripada kajian yang telah dijalankan ternyata aktiviti pelancongan telah memberi pengaruh yang sangat besar terhadap pembangunan sesebuah kawasan. Secara umumnya, peningkatan pelancong yang melancong di Cherating telah menyebabkan pendapatan usahawan PKS di sekitar turut mengalami peningkatan. Hal ini telah meningkatkan pendapatan penduduk dan sekaligus meningkatkan pendapatan ekonomi negeri Pahang. Kajian ini menunjukkan impak sektor pelancongan terhadap perkembangan PKS di Cherating, Pahang yang bersifat positif. Oleh itu, penduduk setempat haruslah merebut segala peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk terlibat dalam PKS di Cherating. Lokasi yang strategik mampu meningkatkan ekonomi peniaga di sesuatu kawasan. Kedatangan pelancong dapat membantu dalam peningkatan bilangan pembeli di gerai usahawan PKS dan ianya memberikan pulangan yang lumayan serta membantu meningkatkan ekonomi negara dari semasa ke semasa.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran FRGS/1/2016/SS07/UKM/03/1 kerana membantu dalam proses penyediaan artikel ini. Bantuan adalah dari segi kewangan, maklumat dan juga data yang diperoleh secara langsung dan juga secara tidak langsung.

RUJUKAN

- Akbar Ali, A. K., & Nor Diyana, S. (2009). Analisis faktor yang mempengaruhi hasil tangkapan ikan: Kajian kes di perairan Sabak Bernam, Selangor. Prosiding *PERKEM*, 6(1), 286-304.
- Ang, K.H. (2017). Sungai Melaka sebagai suatu daya tarikan pelancongan baru di negeri Melaka: Satu ulasan kritis. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1). 108-117
- Ayu Nor Azilah, M., Zetty Nurzuliana, R., & Rosfazila, A. R. (2008). Potential, challenges and direction of small & medium enterprises (SMEs) in the development of the country. *National Conference of the Malaysian economy to III (Perkem III), the National Economic Resilience: Policy and Strategy Reinforcement Port Dickson*.
- Bryden, J. M. (1973). *Tourism and development*. Melbourne: Syndyc of the Cambridge University.
- Che Mohd Nor, C. M. (1998). *Pembangunan IKS di daerah Hulu Langat*. Kertas Projek Sarjana Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Fauziah, C. L., Nek Kamal, Y. Y., Baharudin, O., & Ahmad Zainal Abidin, A. R. (2013). Konsep pemasaran tempat dan kepentingannya dalam sektor pelancongan: Kajian kes di Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak. *PERSPEKTIF*, 5(3), 68-79. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/article/2015AR000154>
- Hills, T. L., & Lundgren, J. (1977). The impact of tourism in the Caribbean: A methodological study. *Annals of Tourism Research*, 4(5), 248-267.
- Jaafar, M., & Maideen, S. A. (2012). Ecotourism-related products and activities, and the economic sustainability of small and medium island chalets. *Tourism Management*, 33, 683-691.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Malaysia. (2017). <https://www.tourism.gov.my/> Malaysia Tourism Promotion Board.
- Othman, Z. (2008). *Impak industri pelancongan terhadap sosioekonomi pengusaha dan pekerja di kalangan komuniti pulau: Kajian kes di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu*. Kertas Projek Sarjana Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Rosniza Aznie, C.R., Ahmad Mustaqim, M., Abdul Rahim, M.N., Rosmiza, M.Z., Novel Lyndon, & Mohd Azlan, A. (2012). Persepsi pelancong terhadap agensi pelancongan di Langkawi Geopark. *Geografia Online Journal of Society and Space*, 8(7), 147-154.
- Saadah Mardiah, B. (2014). *Penglibatan wanita dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS) di Felda Marang 2, Kemaman, Terengganu*. Tesis Sarjana Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan..
- Suhaya, S., Md Shafiin, S., & Norlida Hanim, M.S. (2013). Impak pembangunan industri pelancongan kepada komuniti di Pulau Langkawi. *PROSIDING PERKEM VIII, JILID 1 (2013)* 207-216. Diperoleh daripada http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1D5.pdf
- Wan Hashim Wan Teh. (1980). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek sosial dan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiply Omar. (2015). Sumbangan sektor pelancongan terhadap ekonomi. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. Diperoleh daripada https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul14_12_2015.pdf.